

Nik Aziz arah ambil balik 4,000 hektar tanah Lojing

KOTA BHARU 28 Mac – Kerajaan negeri kini dalam proses mendapatkan kembali tanah yang diberikan kepada dua buah syarikat bagi memajukan kawasan seluas 4,000 hektar di tanah tinggi Lojing kerana melanggar syarat kelulusan.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, Penasihat Undang-Undang Negeri telah pun diarah menyemak perkara ini dan mengambil tindakan melalui mahkamah yang dijangka dapat dilakukan tidak lama lagi.

Katanya, kedua-dua syarikat berkenaan, masing-masing diluluskan tanah seluas 2,000 hektar ketika pemerintahan Barisan Nasional (BN) tidak mengusahakan projek seperti yang disyaratkan sebaliknya sebahagian besar tanah yang diteroka itu disewakan kepada pekebun sayur dari Cameron Highlands.

“Saya hendak ingatkan di sini bahawa kerajaan negeri tidak akan sesekali melindungi mana-mana syarikat yang didapati melakukan pelanggaran syarat dalam isu penerokaan tanah di Lojing.

“Cuma saya minta agensi Kerajaan Pusat yang berkaitan untuk sama-sama memainkan peranan dalam menguat kuasa undang-undang agar tidak berlaku sebarang pelanggaran syarat yang akhirnya boleh membawa kesan buruk kepada alam sekitar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Mingguan Exco di Kota Darulnaim hari ini bagi menjelaskan isu penerokaan termasuk mengenai laporan media hari ini.

Sementara itu, Nik Aziz berkata, kerajaan negeri akan memanggil Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kelantan, Mokhtar Abdul Majid bagi mendapatkan penjelasan berhubung kenyataannya dalam akhbar bahasa Inggeris hari ini bahawa terdapat 22 syarikat yang terlibat dalam pembalakan di Lojing.

Katanya, berdasarkan rekod kerajaan negeri hanya terdapat tujuh buah syarikat sahaja dan sebab itu mesyuarat hari ini telah mengarahkan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Tanah Tinggi Lojing memanggil Mokhtar.

“Kita nak tahu dari mana datang 22

buah syarikat yang dikatakan itu. Rekod kita ada tujuh, sebelum itu ada empat buah lagi yang turut terlibat tetapi kesemuanya telah dibekukan kerana didapati melanggar syarat.

“Cuma satu daripada empat syarikat, kita akan benarkan balik kerana telah

um-29/3/2007
mendapat kelulusan laporan kesan penilaian alam sekitar (EIA),” ujarnya.

Tambahnya, kerajaan negeri hari ini juga dalam masa yang sama melahirkan rasa kurang senang dengan laporan akhbar tersebut apabila mengaitkan Lojing seolah-olah terletak sebahagian daripada

Taman Negara.

Menurutnya, sebenarnya soal mengawal pembangunan di Lojing adalah tanggungjawab bersama antara kerajaan negeri dan agensi Pusat yang pada asasnya tidak perlu saling menuding jari antara satu sama lain.